

**BANGAU BESAR**  
Great Egret

FAMILI: Ardeidae  
NAMA SAINTIFIK: *Casmerodius albus*



**CIRI-CIRI**

Bangau yang terbesar dibandingkan dengan lain-lain spesies bangau. Keseluruhan bulunya berwarna putih. Di dalam musim membiak, paruhnya bertukar daripada kuning ke hitam. Ianya boleh dibezakan dengan Bangau Kerbau, *Bubulcus ibis*, melalui saiznya, paruh yang besar dan bentuk lehernya manakala dengan Bangau Kecil, *Egretta garzetta*, melalui saiz serta warna kaki dan jari kakinya yang hitam.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 102.0 sm.

**TABURAN**

Taburannya sangat meluas meliputi India, China, Hainan, Taiwan, Filipina dan Sunda. Di Asia Tenggara, spesies ini merupakan spesies berhijrah dan sesetengahnya merupakan burung tempatan di kawasan pamah. Di Semenanjung Malaysia, ianya boleh dilihat di sepanjang pantai barat.

**TABIAT**

Biasanya mencari makan atau terbang secara berkumpulan sehingga beberapa ratus ekor.

**MAKANAN**

Ikan, udang, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

**HABITAT**

Biasanya ditemui di kawasan sawah padi, hutan bakau, tasik, sungai dan paya hingga ke ketinggian 800 m dari aras laut.

**BUNYI**

Mengeluarkan bunyi *krr'rr'rr'rra* yang kasar tetapi nyaring apabila terkejut.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakannya adalah di antara Jun hingga Oktober, dengan 3-4 biji telur. Sarang dibina di atas pokok. Pembiakan adalah secara berkumpulan.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.